

12/04/1998

Ramai puas hati pinjaman dinaikkan

Mona Ahmad

KUALA LUMPUR: Orang ramai dan pengusaha kereta lega dengan keputusan Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) menaikkan kadar pinjaman bagi pembelian kenderaan berharga RM40,000 ke bawah sehingga 85 peratus, berbanding 70 peratus sekarang.

Kebanyakan yang ditemui Berita Minggu berpendapat keputusan itu tidak saja meringankan beban golongan berpendapatan rendah untuk memiliki kenderaan, malah membantu memulihkan industri kereta.

Seorang pekerja swasta, Isman Mansur, 38, berkata ia adalah sesuatu yang positif dalam membantu industri automotif.

Beliau yang bercadang membeli kereta berikutan harganya murah sekarang, berkata kenaikan kadar pinjaman memberi peluang golongan berpendapatan rendah memiliki kereta yang menjadi keperluan harian.

Pendapatnya turut disokong Armia Mohd Nor, 45, yang berkata kenaikan itu bermakna bayaran pendahuluan juga tidak terlalu tinggi.

Noriah Man, 42, pula bagaimanapun berkata dalam keadaan sekarang orang ramai lebih berhati-hati ketika berbelanja dan lebih cenderung untuk menyimpan.

Beliau yang bertugas sebagai Penganalisa Sistem di Kementerian Sumber Manusia bagaimanapun berkata keputusan itu wajar bagi membantu peniaga kenderaan dan pengguna.

Suraya Othman, 25, berkata tempoh pembayaran juga perlu dipanjangkan sehingga enam tahun supaya pelanggan tidak terlalu dibebankan dengan bayaran pinjaman setiap bulan.

"Apa gunanya jika bayaran pendahuluan murah, sedangkan terpaksa membayar lebih setiap bulan," katanya.

Seorang jurujual kereta yang enggan namanya disiarkan bagaimanapun berkata pihaknya masih menanti garis panduan mengenai perkara itu kerana pengumuman yang dibuat terlalu umum.

Sementara itu, Pengerusi Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC), Zainal Rampak, berkata keputusan MTEN melonggarkan syarat pinjaman perumahan dan kenderaan dapat mengekalkan pekerja sektor itu daripada hilang pekerjaan.

Beliau berkata, kegawatan ekonomi negara ketika ini menyebabkan banyak tenaga kerja terutama di sektor perumahan hilang pekerjaan.

Dalam kenyataannya semalam, beliau berkata, dengan keputusan itu rakyat berpendapatan rendah dan sederhana mampu memiliki rumah secara bayaran ansuran serta dapat menggalakkan perkembangan industri perumahan negara.

Mesyuarat MTEN yang dipengerusikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kelmarin memutuskan melonggarkan pinjaman perumahan berharga kurang RM150,000 serta had pinjaman kenderaan dinaikkan maksimum kepada 85 peratus berbanding 70 sekarang dan dilanjutkan daripada lima tahun kepada tujuh tahun bagi kenderaan berharga kurang RM40,000.

(END)